



**KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

**GARIS PANDUAN BAHAGIAN AKAUN  
BILANGAN 2 TAHUN 2021**

---

**GARIS PANDUAN PENGGUNAAN KOD CARTA AKAUN  
ASAS AKRUAN BAGI AKAUN AMANAH PERKHIDMATAN  
RAWATAN PERUBATAN DI BAWAH SKIM  
PERKHIDMATAN PESAKIT BAYAR PENUH (PPBP)  
DI HOSPITAL KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA  
(KOD AKAUN AMANAH L1212870)**

---

<https://account.moh.gov.my>

11 JANUARI 2021

**KANDUNGAN**

1. TUJUAN .....	1
2. PEKELILING DAN PERATURAN YANG BERKUAT KUASA .....	1
3. TAKRIFAN .....	2
4. LATAR BELAKANG .....	2
5. PENGGUNAAN CARTA AKAUN ASAS AKRUAN BAGI URUSNIAGA TERIMAAN DAN PERBELANJAAN .....	2
6. PENUTUP .....	5
7. RINGKASAN PENGGUNAAN KOD CAA .....	6

**GARIS PANDUAN PENGGUNAAN KOD CARTA AKAUN ASAS AKRUAN BAGI  
AKAUN AMANAH PERKHIDMATAN RAWATAN PERUBATAN DI BAWAH SKIM  
PERKHIDMATAN PESAKIT BAYAR PENUH (PPBP) DI HOSPITAL  
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA  
(KOD AKAUN AMANAH L1212870)**

---

**1.0 TUJUAN**

- 1.1 Panduan ini dikeluarkan bertujuan untuk menyelaraskan penggunaan kod akaun yang tepat bagi Akaun Amanah Perkhidmatan Rawatan Perubatan Di Bawah Skim Perkhidmatan Pesakit Bayar Penuh (PPBP) Di Hospital Kementerian Kesihatan Malaysia berdasarkan keperluan Carta Akaun Asas Akruan (CAA) dalam *Integrated Government Financial and Management Accounting System (iGFMAS)*.
- 1.2 Penggunaan kod CAA ini akan memberi kesan terhadap ketepatan Pelaporan Penyata Kewangan Kementerian. Garis Panduan ini hendaklah mula berkuat kuasa pada 11 Januari 2021 (Surat Edaran Bahagian Akaun Bilangan 2 Tahun 2018 dibatalkan).

**2.0 PEKELILING DAN PERATURAN YANG BERKUAT KUASA**

Panduan ini perlu dibaca bersama dengan Surat Pekeliling berkaitan yang dikeluarkan oleh Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM), Arahan Amanah dan Garis Panduan / Pekeliling Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) yang berkuat kuasa termasuklah seperti berikut:

- 2.1 Garis Panduan Pelaksanaan Perintah Fi (Perubatan) (Pesakit Bayar Penuh) 2007, Bahagian Perkembangan Perubatan Kementerian Kesihatan Malaysia.
- 2.2 Arahan Amanah bagi Akaun Amanah Perkhidmatan Rawatan Perubatan Di Bawah Skim Perkhidmatan Pesakit Bayar Penuh (PPBP) Di Hospital Kementerian Kesihatan mula berkuat kuasa pada 9 Disember 2020.
- 2.3 Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia Bilangan 7 Tahun 2017: Struktur Kod Perakaunan.
- 2.4 Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia Bilangan 10 Tahun 2017: Carta Akaun Asas Akruan.

### **3.0 TAKRIFAN**

Takrifan bagi maksud garis panduan ini adalah seperti berikut:

#### **3.1 Skim Perkhidmatan Pesakit Bayar Penuh (PPBP)**

Merujuk kepada Garis Panduan Pelaksanaan Perintah Fi (Perubatan) (Pesakit Bayar Penuh) 2007, PPBP telah diperkenalkan sebagai salah satu langkah bagi mengatasi atau bagi mengurangkan isu penghijrahan Pegawai Perubatan Pakar ke hospital swasta. Melalui PPBP, pesakit akan dikenakan bayaran penuh tanpa subsidi kerajaan bagi mendapatkan perkhidmatan rawatan perubatan Pegawai Perubatan Pakar di hospital kerajaan. Seterusnya sebahagian daripada pendapatan yang diperolehi oleh hospital melalui PPBP akan diberikan kepada Pegawai Perubatan Pakar yang berdaftar di bawah perkhidmatan ini.

### **4.0 LATAR BELAKANG**

4.1 Mula berkuat kuasa pada 9 Disember 2020, Kementerian Kewangan telah meluluskan permohonan pengasingan Akaun Amanah Perkhidmatan Penyediaan Laporan Perubatan dan Perkhidmatan Rawatan Perubatan di bawah Skim Perkhidmatan Pesakit Bayar Penuh (PPBP) di Hospital Kerajaan kepada dua (2) Akaun Amanah.

4.2 Penubuhan Akaun Amanah baharu iaitu Akaun Amanah Perkhidmatan Rawatan Perubatan di Bawah Skim Perkhidmatan Pesakit Bayar Penuh (PPBP) di Hospital Kementerian Kesihatan Malaysia, di mana akaun amanah ini hanya mengakaunkan terimaan dan perbelanjaan berkaitan perkhidmatan rawatan perubatan di bawah skim (PPBP) sahaja.

### **5.0 PENGGUNAAN CARTA AKAUN ASAS AKRUAN BAGI URUSNIAGA TERIMAAN DAN PERBELANJAAN**

#### **5.1 Penggunaan Kod CAA Semasa Terimaan:**

**Arahan Amanah Klausula 14.1** menyatakan sumber kewangan bagi Akaun Amanah ini adalah kesemua bayaran rawatan perubatan yang diterima daripada pesakit yang memilih untuk mendapatkan rawatan sebagai pesakit Skim PPBP.

Semasa membuat pengeluaran resit, keseluruhan amaun terimaan dikreditkan ke Akaun Amanah. Pusat Tanggungjawab (PTJ) perlu

memastikan pesakit adalah warganegara Malaysia atau pun warganegara asing bagi menentukan kod CAA yang perlu digunakan khusus bagi Akaun Amanah ini.

Ringkasan Kod CAA yang perlu digunakan bagi terimaan daripada pesakit warganegara Malaysia dan warganegara Asing adalah seperti Jadual 1 di bawah:

Kod Dana	Kod Akaun	Perihal
L870	H0272148	Bayaran Perkhidmatan Pesakit Bayar Penuh – Warganegara Malaysia
L870	H0272149	Bayaran Perkhidmatan Pesakit Bayar Penuh – Warganegara Asing

**Jadual 1:**

**Panduan Penggunaan Kod Carta Akaun Asas Akruan (CAA) Semasa Terimaan Bagi Pesakit Warganegara Malaysia Dan Warganegara Asing Skim PPBP Dikreditkan ke Akaun Amanah**

## 5.2 Penggunaan Kod CAA Semasa Semasa Perbelanjaan

5.2.1 **Arahan Amanah Klausula 15.1** menyatakan penggunaan wang Akaun Amanah adalah bagi bayaran kepada Pegawai Perubatan Pakar yang memberikan perkhidmatan perubatan kepada pesakit di bawah Skim PPBP mengikut kadar pembahagian bayaran Skim PPBP antara Pegawai Perubatan Pakar dan Kerajaan seperti dalam surat kelulusan daripada Perbendaharaan Ruj. KK/BP/DS(S) 10/4441/646 Jld. 2(SK.1/2009)(31) bertarikh 14 Jun 2010 tertakluk kepada perubahan dari semasa ke semasa.

Ringkasan kod CAA yang perlu digunakan adalah seperti Jadual 2 di bawah:

Kod Dana	Kod Akaun	Perihal
L870	B0229101	Perkhidmatan Perubatan

**Jadual 2:**

**Panduan Penggunaan Kod Carta Akaun Asas Akruan (CAA) Semasa Bayaran Kepada Pegawai Perubatan Pakar**

5.2.2 **Arahan Amanah Klausula 15.2** menyatakan penggunaan wang Akaun Amanah adalah bagi bayaran balik kepada pesakit bagi sebarang lebihan bayaran.

Bayaran balik kepada pesakit bagi sebarang lebihan bayaran boleh dibuat dengan cara bayaran secara tunai (Kew.50) iaitu melalui Panjar Khas yang perlu dibuat rekupmen atau secara *Electronic Fund Transfer (EFT)*.

Ringkasan kod CAA yang perlu digunakan adalah seperti Jadual 3 di bawah:

Kod Dana	Kod Akaun	Perihal
L870	B0551132	Pulangan Balik Hasil Bayaran Ikhtisas

**Jadual 3:**  
**Panduan Penggunaan Kod Carta Akaun Asas Akruan (CAA)**  
**Semasa Bayaran Balik Kepada Pesakit**

5.2.3 **Arahan Amanah Klausula 15.3** menyatakan penggunaan wang Akaun Amanah adalah bagi pelarasan bahagian Hasil ke Akaun Hasil Kerajaan.

PTJ hendaklah melakukan pelarasan bahagian Hasil ke Akaun Hasil Kerajaan dengan segera.

Catatan pelarasan jurnal ke Akaun Hasil Kerajaan adalah seperti berikut:

**Catatan Pelarasan Jurnal Ke Akaun Hasil Kerajaan**  
**- Warganegara Malaysia**

	Kod Dana	Kod Akaun	Perihal
Dt	L870	H0272148	Bayaran Perkhidmatan Pesakit Bayar Penuh – Warganegara Malaysia
	Kt	G000	H0272148
			Bayaran Perkhidmatan Pesakit Bayar Penuh – Warganegara Malaysia

**Catatan Pelarasan Jurnal Ke Akaun Hasil Kerajaan  
- Warganegara Asing**

		Kod Dana	Kod Akaun	Perihal
Dt		L870	H0272149	Bayaran Perkhidmatan Pesakit Bayar Penuh – Warganegara Asing
	Kt	G000	H0272149	Bayaran Perkhidmatan Pesakit Bayar Penuh – Warganegara Asing

**6.0 PENUTUP**

- 6.1 Penggunaan Carta Akaun Asas Akruan (CAA) diperlukan bagi menghasilkan pelaporan kewangan dan perakaunan yang tepat dan seragam di peringkat Kementerian/ Jabatan dan Kerajaan Persekutuan. Oleh itu, Pusat Tanggungjawab (PTJ) bertanggungjawab untuk mematuhi penggunaan Carta Akaun Asas Akruan (CAA) dalam semua transaksi kewangan.
- 6.2 Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan lanjut mengenai garis panduan ini, PTJ boleh merujuk kepada pihak berikut:

Setiausaha Bahagian Akaun  
Bahagian Akaun  
Kementerian Kesihatan Malaysia  
Aras 6, Blok E7, Kompleks E  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62590 Putrajaya  
(u/p: Unit Pengurusan Amanah, Deposit dan Panjar)

e-Mel : [acc\\_amanah@moh.gov.my](mailto:acc_amanah@moh.gov.my)  
Telefon : 03-8883 3252

**AKAUN AMANAH PERKHIDMATAN RAWATAN PERUBATAN DI BAWAH SKIM  
PERKHIDMATAN PESAKIT BAYAR PENUH (PPBP) DI HOSPITAL  
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA  
RINGKASAN PENGGUNAAN KOD CAA**

<b>KOD AKAUN AMANAH L1212870 DANA AMANAH L870</b>	
<p align="center"><b>Klausula 14.1</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- kesemua bayaran rawatan perubatan yang diterima daripada pesakit yang memilih untuk mendapatkan rawatan sebagai pesakit Skim PPBP.</li> </ul>	<p align="center"><b>Kod CAA</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- H0272148 [ Bayaran Perkhidmatan Pesakit Bayar Penuh – Warganegara Malaysia ]</li> <li>- H0272149 [ Bayaran Perkhidmatan Pesakit Bayar Penuh – Warganegara Asing]</li> </ul>
<p align="center"><b>Klausula 15.1</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- bayaran kepada Pegawai Perubatan Pakar yang memberikan perkhidmatan perubatan kepada pesakit di bawah Skim PPBP.</li> </ul>	<p align="center"><b>Kod CAA</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- B0229101 [ Perkhidmatan Perubatan ]</li> </ul>
<p align="center"><b>Klausula 15.2</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- bayaran balik kepada pesakit bagi sebarang lebihan bayaran.</li> </ul>	<p align="center"><b>Kod CAA</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- B0551132 [ Pulangan balik hasil bayaran ikhtisas ]</li> </ul>
<p align="center"><b>Klausula 15.3</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- pelarasan bahagian Hasil ke Akaun Hasil Kerajaan</li> </ul>	<p align="center"><b>Kod CAA</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- H0272148 [ Bayaran Perkhidmatan Pesakit Bayar Penuh – Warganegara Malaysia ]</li> <li>- H0272149 [ Bayaran Perkhidmatan Pesakit Bayar Penuh – Warganegara Asing]</li> </ul>